



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (15)

Tarikh : 21 Ogos 2015

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN NEGARA

SIRI 3 BILANGAN 1 TAHUN 2015

Putrajaya, 21 Ogos 2015 - Mesyuarat Majlis Perumahan Negara Siri 3 Bilangan 1 Tahun 2015, telah membincangkan status pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM). Sehingga bulan Jun 2015, sebanyak 734,544 unit (64.5%) yang merangkumi 189,545 unit atau 16.6% rumah telah siap dibina, 176,155 unit (15.5%) sedang dalam pembinaan manakala sebanyak 349,984 unit (30.7%) dalam pelbagai peringkat perancangan.

2. Di dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar turut dijemput untuk membincangkan isu-isu perumahan yang melibatkan kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan di samping mencari jalan penyelesaian terbaik bagi penyediaan rumah kepada kumpulan sasar.

3. Dengan penglibatan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di mesyuarat ini, halangan-halangan yang wujud dalam melaksanakan program-program perumahan Rumah Mampu Milik dapat ditangani dengan lebih berkesan dan mempermudah lagi pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada tahun 2013.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my